

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/07/2012

Antara DAP dengan Pas... Siapa abang besar?

UM-13/7/2012

HEBOH selepas sebuah blog propembangkang, **Suara Pakatan Rakyat** (suarapakatanrakyat.blogspot.com) mendedahkan pembahagian kerusi Parlimen pembangkang bagi Pilihan Raya Umum Ke-13 yang menyaksikan DAP bakal bertanding di 90 kerusi, iaitu dua kali ganda berbanding pilihan raya umum lalu.

Walaupun pemimpin DAP menafikan dakwaan blog tersebut tetapi penafiannya tidak kelihatan bersungguh-sungguh manakala pemimpin PKR pula seperti menikus sehingga tidak berani mengeluarkan sebarang kenyataan mengenainya.

Para pemimpin Pas pula, walaupun terperanjat (atau pura-pura terperanjat) 'melompat' sambil mendakwa parti itu masih lagi abang besar dalam pakatan pembangkang dan menafikan bahawa pembahagian kerusi pembangkang sudah selesai dibuat.

Bagaimanapun, blog **MyKMU** (www.mykmu.net) mendakwa, kenyataan bahawa pembangkang masih belum selesai membuat pembahagian kerusi adalah alasan semata-mata.

Ini kerana menurut catatan blog itu, pada 20 Julai 2011, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng membuat kenyataan bahawa

Lukman Ismail
lukman@utusan.com.my



pembahagian kerusi parti pembangkang hampir selesai dan akan dimuktamadkan pada hujung bulan berkenaan.

"21 September 2011, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim umum keputusan pembahagian kerusi antara pakatan pembangkang hampir muktamad.

"13 Mac 2012, Anwar menyatakan pembahagian kerusi DUN dan Parlimen bagi parti itu akan dimuktamadkan selewat-lewatnya akhir Mac 2012."

Katanya, pada 15 April lalu, Ketua Pembangkang itu menegaskan keputusan pembahagian kerusi dimuktamadkan dalam masa terdekat dan meminta ahli-ahli dan penyokong mereka tidak membantah.

Kenapa pemimpin Pas tidak menafikan kenyataan yang dibuat oleh Anwar berhubung pengagihan kerusi pada masa itu,

sebaliknya menyalahkan UMNO apabila DAP dilaporkan akan bertanding di 90 kerusi jauh lebih besar berbanding Pas dan PKR yang masing-masing hanya bertanding di 60 kerusi.

Pengagihan kerusi pembangkang itu bukan sahaja memperlihatkan DAP mahu mendominasi dan menjadi "abang besar" dalam kalangan 3P (Pas-PKR-DAP) tetapi jauh daripada itu.

Seperti kata **Syed Ali Alhabshee** (umnobahagiancheras.blogspot.com), ia menunjukkan DAP tidak yakin dengan kemampuan Pas dan PKR untuk berdepan dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Dengan kata lain, nampak sangat pemimpin DAP memperlekehkan kredibiliti pemimpin Pas termasuk Anwar.

"DAP tidak berkenan dengan Anwar tetapi DAP cukup bijak berperanan seperti 'menarik rambut dalam tepung' untuk memamatkan kerjaya politik Anwar," kata Syed Ali.

Jika DAP bertanding di 90 kerusi dan Pas serta PKR sekitar 60 kerusi, apakah akan jadi dengan kedua-dua parti berkenaan?

"Pas hanya mampu terganggu..." kata

blog **Kedahan** (kedahan69ers.com). Maska tidak, di sebalik laungan Pas yang mahu menjadi Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan mengamalkan hukum hudud, ternyata pembahagian kerusi PRU-13 sekadar membuktikan Pas hanyalah seperti seekor anjing yang melolong akibat sakit gigi sedangkan tidak mampu menggigit.

"Memang benar, Pas kuat dan Pas lebih lengkap berbanding PKR dan DAP. Namun dalam soal ada otak, DAP dan PKR lebih berotak berbanding Pas.

"Justeru, menjadikan Pas hanya boleh bertanding 66 kerusi dan kemungkinan besar hanya mampu menang tidak lebih daripada 30 kerusi, menjadikan Pas sebagai sebuah parti kerdil yang hanya boleh di-kotak-katik oleh PKR dan DAP," katanya.

Pas boleh mendakwa bahawa mereka masih lagi abang besar dalam pakatan pembangkang namun kenyataannya, belum pun PRU-13 tindak-tanduknya sekarang sudah menampakkan bahawa DAP-lah yang lebih "berkuasa".

Isu pengasingan tempat duduk di panggung wayang di Kuala Selangor membuktikan Pas hanya umpama seekor tikus apa-

bila berdepan dengan DAP.

Di mana wakil Pas dalam kerajaan negeri Selangor ketika Ronnie Liu mengarahkan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) agar menangguk arahannya supaya pengusaha panggung wayang melarang pasangan Islam yang belum berkahwin dari duduk bersama?

Blog **Apa Kecoh-kecoh** (apakecoh2.blogspot.com) turut menanyakan tindakan Pas selepas campur tangan wakil rakyat DAP itu dalam penguatkuasaan peraturan untuk orang Islam itu.

"Adakah mereka menghentam Ronnie kerana campur tangan urusan penganut agama Islam? TAK ADA!" katanya.

Malahan blog itu berkata, pemimpin Pas sebaliknya menyokong tindakan Ronnie dengan alasan MDKS tidak mengeluarkan arahan tersebut sedangkan notis mengenainya sudah ditampal di panggung-panggung wayang berkenaan.

Bagaimana Pas bercita-cita mahu melaksanakan hukum hudud jika pembangkang memerintah sedangkan kenyataannya mereka begitu takut dengan abang besar sebenar dalam pembangkang iaitu DAP.